

25 JUL 2001

PM-LRT

KERAJAAN MASIH PERKEMAS SYARAT MILIKI LRT

PUTRAJAYA, 25 Julai (Bernama) -- Kerajaan masih memperkemas syarat-syarat bagi pemilikan dua pengendali transit rel ringan (LRT) di Lembah Klang.

Bagaimanapun, urusan itu akan diselesaikan tidak lama lagi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan akhbar selepas menghadiri taklimat oleh Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) di sini hari ini.

"Untuk LRT kita masih memperkemas syarat-syarat pemilikan kita.. (ia akan diselesaikan) tidak lama lagi," beliau berkata apabila ditanya mengenai perkara itu.

Pemilikan kedua-dua pengendali itu, Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (STAR) dan Projek Usaha Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (PUTRA), akan dibiayai dengan perolehan daripada bon-bon yang akan diterbitkan oleh kerajaan, yang dianggarkan sebanyak RM5.5 bilion.

"Kami sedang mengkajinya (terbitan bon). Kami terpaksa mengumpulkan wang pastinya. Kami tidak boleh membeli syarikat-syarikat secara percuma. Kami terpaksa cari wang," kata Dr Mahathir.

Kerajaan masih mempunyai nilai kredit dan tidak akan mendapati sukar untuk mengumpulkan wang, katanya sambil menambah bahawa terdapat banyak cara mengumpulkan dana.

Apabila ditanya sama ada kemelesetan ekonomi Singapura akan mempunyai kesan ke atas negara ini, beliau berkata bahawa kerajaan sedang mengkaji dan mengambil langkah-langkah menangkisnya supaya ia tidak menjejaskan Malaysia.

"Kita sedang mengambil langkah-langkah menangkisnya. Kita telah menyuntik dana tambahan untuk merangsang ekonomi," tambahnya.

Perdana Menteri menambah kata kerajaan sedang mengenal pasti pasaran-pasaran eksport baru dan aktiviti-aktiviti pembuatan baru.

"Saya sedang berjumpa dengan banyak pengeluar perkakas elektrik tempatan dan sepertinya dan mungkin juga perabot dan berbincang dengan mereka mengenai apa yang perlu dilakukan sekarang dan apa pasaran yang patut mereka tumpukan," katanya.

Salah satu daripada pasaran itu yang mempunyai potensi yang besar ialah Asia Barat, tambahnya.

"Orang-orang Arab telah menemui Malaysia agak lewat, tetapi tidak mengapa. Sekarang mereka melihat Malaysia sebagai negara yang boleh mengadakan untuk mereka banyak perkara," katanya.

Dr Mahathir berkata sesetengah negara Arab mempelawa syarikat-syarikat Malaysia membina dan mengendalikan pelabuhan-pelabuhan mereka. -- BERNAMA
ER SEL OS